



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

PUTRAJAYA KEMBALI RAIKAN HARI TANPA KENDERAAN DENGAN CAR FREE DAY

PUTRAJAYA, 03 Ogos 2024 – Berdasarkan komitmen terhadap gaya hidup sihat dan mesra alam, Perbadanan Putrajaya (PPj) kembali menganjurkan program Car Free Day Putrajaya (CFD) pada setiap hari Sabtu minggu ke-4 setiap bulan. Majlis perasmianya pada hari ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusoff, Timbalan Perdana Menteri bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Program CFD meraikan hari tanpa kenderaan selepas penganjuran kali terakhir pada tahun 2019 di Putrajaya. Program yang bakal dianjurkan pada setiap bulan oleh PPj ini turut membuka peluang kepada agensi luar untuk bekerjasama dari segi pengisian program, di mana pada hari ini CFD turut dimeriahkan dengan Program Larian MAPPA XIX 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sepanjang tempoh CFD berlangsung, penutupan penuh akan dibuat di Dataran Putrajaya iaitu bermula dari persimpangan Menara Prisma ke persimpangan Menara Tulus. Penutupan jalan ini dibuat kepada kenderaan bermotor bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk berjalan kaki, berbasikal mahupun mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sihat.

Antara aktiviti sampingan yang diadakan bagi penganjuran kali ini adalah *walkathon*, *street soccer*, jualan rahmah, pemeriksaan kesihatan, derma darah, reruai pameran, supa dupa dan *trampoline*. Gerai-gerai yang menawarkan jualan buah-buahan dari FAMA

dan makanan serta minuman juga turut memeriahkan suasana bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati hidangan sambil bersantai.

CFD dijangka menarik pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat untuk datang menikmati hari tanpa kenderaan di pusat pentadbiran negara. Sesuai dengan tujuan utama CFD untuk menjenamakan Putrajaya sebagai Bandar Hijau Karbon Rendah dalam usaha mengurangkan pencemaran udara dan sekali gus memupuk serta mempromosi amalan hijau kepada orang ramai. Acara ini juga menggalakkan aktiviti fizikal di Putrajaya, yang boleh memberi impak positif kepada kesihatan mental dan fizikal, selain mengukuhkan hubungan antara komuniti. Secara tidak langsung, setiap komponen bagi program CFD ini menyokong kepada Visi C.H.A.S.E. (Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City, Eco-friendly City) Wilayah Persekutuan.

Turut hadir sama adalah YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Perkhidmatan Awam, YB Puan Lim Hui Ling, Timbalan Menteri Kewangan, YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup dan YBhg Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj).

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 2 Ogos 2024

Sila hubungi Pegawai Media PPj (Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564) bagi keterangan lanjut berhubung siaran media ini.